

# Tun M setuju bincang dalam Majlis Presiden PH

Proses peralihan kuasa harus dibincang secara muafakat dalam komponen parti

**Baku (Azerbaijan):** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau bersetuju jika isu peralihan jawatan Perdana Menteri dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

“Kalau nak bincang, boleh bincang dalam Majlis Presiden,” kata Perdana Menteri pada sidang media bersama wartawan Malaysia semalam sebelum berangkat ke Turkmenistan untuk lawatan rasmi dua hari.

Dr Mahathir yang berada di sini untuk Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-18 berakhir semalam, menegaskan beliau bersetuju jika ada pihak mahu membincangkan isu itu.

*BERNAMA* melaporkan, Perdana Menteri bersetuju dengan perkara itu kerana dalam Majlis Pre-

siden PH juga, cadangan melantik pemimpin daripada kalangan pimpinan parti komponen pakatan itu dibuat sebelum ini, termasuk kedudukan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir juga memaklumkan, kedudukan beliau sebagai Pengerusi PH serta bakal penggantian juga dibuat oleh Majlis Presiden.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri yang juga Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail turut menyatakan kesediaan berbincang proses peralihan kuasa Perdana Menteri menerusi

mesyuarat Majlis Presiden PH.

Reaksi Dr Wan Azizah itu susulan kenyataan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa isu peralihan kuasa di antara Dr Mahathir dan Anwar secara terperinci seharusnya dibincangkan secara muafakat dalaman antara pemimpin PH.

Sementara itu, *BH* difahamkan, mesyuarat Majlis Presiden PH akan diadakan minggu depan selepas Dr Mahathir pulang daripada menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok, Thailand.